

PERANAN PENDAKWAH UNTUK MENANGANI BERITA PALSU DARI PERSPEKTIF DAKWAH

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani

Fakulti Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia

Muhammad Norazam Nordin

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Khazri Osman

Fakulti Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia

Abu Dardaa Mohamad

Fakulti Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahmad Irdha Mokhtar

Fakulti Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Penyebaran maklumat lebih mudah menggunakan media massa. Segala maklumat yang ingin disampaikan boleh dilakukan oleh sesiapa tanpa mengira status, boleh dilakukan bila-bila masa tanpa had dan boleh dilakukan di mana-mana tempat. Namun apa yang menyedihkan, sesiapa sahaja boleh menyebarkan sebarang berita tanpa sebarang penapisan. Bermacam-macam maklumat tersebar yang ada sama ada benar ataupun palsu. Berita fitnah, umpatan, adu domba dan sebagainya terdapat dalam media massa. Peranan pendakwah sangat diperlukan untuk mendepani longgokan berita tidak benar terutamanya berkaitan pengamalan beragama. Kajian ini memperjelaskan bahaya berita tidak benar dan peranan pendakwah untuk menanganinya. Oleh itu, peranan pendakwah sangat penting bagi menangkis dan menangani berita yang tidak benar dengan cara menyatakan kedudukan berita tidak benar dan bahannya, mencari jalan penyelesaian dengan memperbanyakkan berita benar supaya tenggelam yang tidak benar dan menjadi model dalam berinteraksi dengan berita tidak benar.

Kata kunci: Dakwah; Penyebaran Maklumat; Peranan Pendakwah

THE ROLE OF PREACHERS IN DEALING WITH FALSE NEWS FROM A DA'WAH PERSPECTIVE

Abstract

Dissemination of information is easier using mass media. All the information you want to convey can be done by anyone regardless of status, can be done at any time without limit and can be done anywhere. But sadly, anyone can spread any news without any censorship. The variety of information available is either true or false. News of slander, swearing, sheep fighting and so on are in the mass media. The role of the preacher is very necessary to face the pile of untrue news especially related to religious practices. This study clarifies the dangers of untrue news and the role of preachers in dealing with it. Therefore, the role of the preacher is very important to fend off and deal with untrue news by stating the position of untrue news and its material, find a solution by multiplying true news so that false news sinks and become a model in interacting with false news.

Keywords: Da'wah; Dissemination of Information; The Role of Preachers

Pendahuluan

Pendakwah ialah penyampai risalah Islam kepada seluruh masyarakat tanpa mengira kedudukan, status, jantina dan pangkat. Penyampaian dakwah yang dilaksanakan mestilah jelas, tepat, menepati kehendak Islam dan benar. Peranan yang telah dimainkan oleh para pendakwah dalam menyampaikan ajaran Islam sangat memberi kesan besar untuk mengubah kehidupan masyarakat daripada kehidupan

yang porak-peranca kepada kehidupan yang aman dan sejahtera bersama Islam. Perubahan ini berlaku disebabkan ajaran yang benar dan bermanfaat untuk masyarakat sejagat.

Namun begitu, terdapat juga anasir yang kurang baik dalam penyampaian dakwah seperti tidak menyelidiki kebenaran sesuatu berita, tidak merujuk sumber yang sahih, mengubah, mengurangkan atau menambah sesuatu kandungan sehingga tersasar jauh daripada kebenaran dan sebagainya. Perkara ini semakin hari semakin merebak berikutan penyampaian dakwah boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira ilmu dan kelayakan. Dunia penyampaian terbuka luas di hujung jari kepada semua lapisan masyarakat. Sesiapa sahaja boleh menyampaikan dan lambakan sumber yang menyukarkan kepada masyarakat untuk memilih mana yang boleh disebarluaskan dan yang tidak boleh disebarluaskan. Ada sesetengah masyarakat yang terlalu ghairah menyebarkan sesuatu berita tanpa menyelidiki terlebih dahulu kebenarannya. Apa yang sangat menyedihkan ialah tersebarnya berita palsu dan tidak benar dalam masyarakat bahkan ada yang tidak segan silu dan sengaja menyebarkan berita berunsur fitnah, adu domba, karut marut dan sebagainya.

Oleh yang demikian, para pendakwah perlu memainkan peranan penting dalam mengani berita palsu dengan cara menyediakan bahan yang benar, mempertingkatkan penyebaran kepada media yang pelbagai, memperjelas kesalahan yang disebarluaskan dan sebagainya. Peranan ini sangat penting dalam menangani berita palsu kerana para pendakwah ialah golongan yang layak untuk memperjelas tentang agama Islam yang sebenar kepada masyarakat berpandukan kepada ilmu, akal yang sempurna dan pengalaman yang luas dalam membina kehidupan bermasyarakat.

Berita Palsu dalam Konteks Dakwah

Berita palsu ialah berita yang tidak benar. Sebagaimana pandangan Mokhtar (1982) berita palsu ialah berita yang disebarluaskan dalam masyarakat tanpa mengenal pasti kesahihannya. Berita palsu hanya bergantung pada apa yang didengar semata-mata tanpa pengesahan kemudian menyebarkannya dengan berlaku sedikit penambahan, pengurangan dan ubah suai. Manakala menurut Mahmud (1980) berita palsu ialah berita yang dipindahkan oleh seseorang tanpa memastikan kedudukannya sama ada benar atau tidak. Berita palsu terjadi akibat rekaan yang tiada asas kebenarannya, ataupun berita yang ditambah atau diselewengkan daripada asal sehingga hanya tinggal sedikit sahaja berita benar yang asal.

Berita tidak benar yang dimaksudkan ialah berita yang menyebabkan pelanggaran perintah Allah SWT, mengundang keburukan, membawa kepada perpecahan dan perbalahan dalam kalangan manusia. Orang Mukmin yang sepatutnya menjaga tutur kata dan tulisan daripada perkara keji. Berita keji boleh menyebabkan hati menjadi kotor dan boleh menyebabkan masyarakat jauh daripada Allah SWT. Rasulullah SAW menuntut orang Islam supaya menjauhi perkataan yang keji sebagaimana hadis yang bermaksud: “Bukan dalam kalangan golongan Mukmin mereka yang mencerca, mengutuk, perkataan keji dan bercakap kotor (al-Tirmizi, Abwab al-Bir wa al-Silah, Bab ma Ja'a fi al-La'nat).

Penilaian baik dan buruk sesuatu berita bergantung pada kandungannya. Kandungan berita yang baik dan bermutu boleh mendatangkan kebaikan, keamanan dan kesejahteraan atau sebaliknya. Apatah lagi kandungan berita yang baik boleh melahirkan penyampai dan penerima yang baik. Sebaliknya kandungan yang buruk boleh mengakibatkan kehinaan buat penerima dan penyampainya. Menurut Arif (2019) terdapat tiga jenis bentuk kandungan berita iaitu berita yang dapat didengar baik secara langsung atau tidak, berita yang dapat dilihat yang berbentuk tulisan, gambar, poster serta tanda dan berita yang dapat didengar dan dilihat.

Imam Ghazali (2005) mengkategorikan kandungan kata-kata kepada empat; kandungan yang mendarangkan kebaikan sahaja, keburukan sahaja, kebaikan dan keburukan dan tidak mendarangkan kebaikan mahupun keburukan. Kandungan kata-kata yang membawa mudarat, dan yang membawa kebaikan dan mudarat perlu ditinggalkan. Manakala yang tidak memberikan manfaat dan keburukan dikira perkataan yang sia-sia yang boleh mengakibatkan pembaziran waktu dan kerugian. Yang tinggal hanya satu sahaja iaitu kata-kata yang membawa kebaikan. Meskipun demikian, yang

membawa kepada kebaikan belum lagi selamat kerana terdedah kepada riak, mengumpat, dusta dan sebagainya.

Berita palsu ialah berita yang tidak benar, fitnah, rekaan, termasuk berita yang benar tetapi diubah sehingga menjadi tidak benar. Berita palsu yang sinonim dengan isha'ah didefinisikan oleh Ridha (2015) sebagai menyebarkan berita yang tidak ada asas yang benar ataupun berita yang telah diubah sama ada dengan menambah atau mengurangkan sehingga jauh daripada kebenaran yang asal. Berita palsu juga boleh berlaku apabila berita yang benar berlaku ditafsirkan dengan komen yang bertentangan dengan hakikat sebenar dengan tujuan menimbulkan keresahan dan kegelisahan dalam kalangan masyarakat. Fenomena ini boleh berlaku dalam lapangan politik, ekonomi, agama, ketenteraan dan sebagainya.

Dalam konteks dakwah, berita palsu boleh terjadi jika berita yang benar disebarluaskan untuk melagakan sesama masyarakat, mencetus perbalahan dan persengketaan. Pelbagai cara dan gaya berita palsu ini disebarluaskan dan pelbagai tujuan yang ingin dicapai daripada penyebaran tersebut. Menurut Muhammad Aidh (2019) berita isha'ah tersebar menggunakan pelbagai uslub; 30% menggunakan uslub provokasi, 22 % uslub menakutkan, 14% uslub emosi beragama, 12 % uslub gurauan, 8% uslub menarik kesedaran, 5% uslub penyebaran berita dan tiga peratus untuk menarik perhatian kasihan belas. Manakala tujuan pula 39% untuk menyebarkan maklumat salah, 24% untuk menyeru protes menentang kerajaan, sepuluh peratus untuk menghilangkan rasa aman, tiga peratus ekstremis agama, dua peratus untuk tujuan menyebarkan kesesatan dan khurafat.

Internet ialah platform utama yang memudahkan penularan berita tidak benar. Masyarakat lebih mudah mendapatkan berita daripada media sosial berbanding saluran lain. Lebih merisaukan berita tersebut tidak diketahui statusnya. Tidak kurang juga ada anggota masyarakat yang terjebak dalam berita tidak benar sehingga ditangkap dan dikenakan hukuman. Hukuman ini wajar kerana berita tidak benar boleh membawa kepada kerisauan, ketakutan, kebimbangan dan persepsi buruk terhadap sesuatu isu. Antara masalah yang timbul hasil penyebaran berita palsu ialah masalah penyelarasan dan penyeragaman, masalah kesahihan viral sama ada palsu atau benar, masalah tular yang berulang, masalah lambat mendapat maklum balas terhadap apa yang disebarluaskan dan juga masalah tidak bertanggungjawab terhadap berita yang disebarluaskan.

Berita tidak benar boleh memberi kesan yang negatif kepada masyarakat. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CSM Datuk Dr. Amirudin Abdul Wahab laporan Edelman Trust Barometer 2018 menunjukkan bahawa 73 peratus pengguna internet di Malaysia bimbang kesan negatif berita tidak benar tetapi pada masa yang sama, sebanyak 45 peratus daripada pengguna internet memilih untuk tidak merujuk kepada saluran berita utama bagi mendapatkan sumber berita.

Secara keseluruhannya berita palsu dan tidak benar dalam konteks dakwah berlaku disebabkan kandungan berita yang tidak benar dan bercanggah dengan ajaran Islam. Berita tersebut sama ada berlaku secara tersilap atau tersalah, sengaja direka dengan tujuan tertentu atau ada matlamat yang tersendiri. Sesuatu berita juga boleh dianggap tidak baik disebabkan kesilapan uslub dan saluran yang digunakan ditambah lagi dengan berita itu tidak sesuai dengan berita. Antara ciri berita yang tidak benar dalam konteks dakwah adalah seperti berikut:

- Sumber yang tidak jelas dan tidak boleh dipercayai.
- Mengutuk, menghina, mengumpat dan memburukkan individu, masyarakat dan negara.
- Mengajak ke arah fanatik terhadap sesuatu secara membabi buta.
- Provokasi melampau dengan tujuan untuk mengundang kemarahan.
- Menyebarluaskan fakta yang salah dan tidak tepat.
- Menyokong satu pihak dan menyerang pihak lain dengan tuduhan palsu.
- Menggunakan nama tokoh berpengaruh dengan kata-kata yang salah dan tidak benar.
- Mengedit gambar dengan tulisan tertentu yang tiada kaitan langsung dengan pemilik gambar.

- Menyatakan kelebihan tertentu untuk diamalkan dan mewajibkan penerima berita menyebarkan untuk mendapat gandaan pahala tertentu.
- Berita rekaan bertujuan untuk menanam kebencian, kecemasan dan permusuhan

Peranan Pendakwah

Pendakwah memainkan peranan penting dalam memastikan agama Islam sampai kepada semua masyarakat dan dilaksanakan. Pendakwah ialah golongan yang menyampaikan, mengajar dan melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupan masyarakat. Menurut al-Bayanuni (2011) pula, pendakwah ialah individu atau kumpulan yang menyampaikan Islam, mengajarkan dan berusaha untuk memastikan agama Islam terlaksana. Menurut Soleh (2015) pendakwah ialah orang yang menyampaikan Islam, mengajar supaya berpegang teguh pada Islam sama ada akidah, syariat dan akhlak serta berusaha untuk memastikan pelaksanaan Islam terlaksana dalam kehidupan masyarakat.

Oleh yang demikian, dalam usaha mengekang penyebaran berita palsu, pendakwah yang menyampaikan Islam sewajarnya menyampaikan bahaya berita palsu, hakikat sesuatu berita dan menyampaikan akibat daripada menyebarkan berita palsu. Pendakwah sebagai pengajar akan mengajar masyarakat kaedah berinteraksi dengan berita palsu, cara mengenal pasti kedudukan sesuatu berita dan menyediakan panduan yang khusus menangani berita palsu. Seterusnya tugas sebagai pelaksana pula dilaksanakan melalui pengamalan cara menangani berita palsu, menjadi model kepada masyarakat dan pencegah kemungkarann.

Oleh yang demikian, setiap pendakwah hendaklah memainkan peranan dalam masyarakat dengan pelbagai cara. Antaranya mengenal pasti sasaran, bergaul dengan mereka, menyediakan jawapan yang sesuai untuk setiap permasalahan yang berlaku, memberikan hak sama rata kepada semua sasaran dan mengetengahkan manhaj yang betul untuk memimpin masyarakat ke arah kebenaran dan kesejahteraan.

Menurut al-Bahi Khaul (2004) pendakwah ialah golongan yang meyakini akidah keimanan yang dibawa. Oleh itu, mereka memainkan peranan dengan cara menulis, berkhutbah, mengajar, menjadi rujukan untuk memastikan kehidupan masyarakat dipandukan menurut kaedah Islam. Pada masa yang sama juga mereka sebagai perawat penyakit manusia dan cuba mengubah keadaan daripada kejahanan kepada kebaikan. Menurut Badi' (1985) dakwah bertujuan menyampaikan risalah kebenaran, menolak dan menghapuskan kebatilan dan sentiasa mengajak manusia istiqamah atas landasan Islam. Menurut Kamal (2011) pendakwah hendaklah menjadikan dirinya sebagai uswah hasanah melalui percakapan dan perbuatan kepada sasaran, mahir dalam fiqh al-waqi' berpandukan ajaran Islam dan meraikan kepelbagaiannya sasaran dakwah dari sudut kehidupan dan pemikiran.

Bahaya Berita Palsu Kepada Dakwah

Penyebaran maklumat yang meragukan, fitnah, dan rekaan boleh menimbulkan huru-hara, perbalahan, perpecahan dan permusuhan dalam masyarakat. Laporan Edelman Trust Barometer 2018 menunjukkan bahawa 73 peratus pengguna Internet di Malaysia bimbang kesan negatif berita tidak benar (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2019).

Persoalan yang timbul ialah sejauh mana berita tersebut mempengaruhi sehingga boleh membawa kepada kesan yang negatif. Menurut Muhammad (2019) berita isha'ah tersebar menggunakan usul yang pelbagai iaitu 30% menggunakan usul provokasi, 22 % usul menakutkan, 14% usul emosi beragama, 12 % usul gurauan, lapan peratus usul menarik kesedaran, lima peratus usul penyebaran berita dan tiga peratus untuk menarik perhatian kasihan belas. Manakala dari segi tujuan penyebaran pula, 39% untuk menyebarkan maklumat salah, 24% untuk menyeru protes menentang kerajaan, 10% untuk menghilangkan rasa aman, tiga peratus berkaitan ekstremis agama, dua peratus untuk menyebarkan kesesatan dan khurafat.

Menurut Ahmad (2017) tujuan berita palsu adalah untuk menimbulkan keraguan dan syak wasangka tentang sesuatu perkara, menimbulkan kegelisahan dan kerisauan dengan tujuan untuk mengajak

kepada sesuatu matlamat yang digariskan dan yang paling berbahaya boleh menyebabkan berlakunya benci-membenci, perbalahan, permusuhan dan mengganggu kesatuan dalam masyarakat.

Berita palsu memberi kesan negatif kepada kehidupan bermasyarakat dan kehidupan beragama. Dari aspek kehidupan beragama, masyarakat yang berpegang teguh pada ajaran Islam yang menyeluruh boleh berubah kepada kekeliruan seterusnya menjauhkan diri daripada agama. Dari segi kehidupan bermasyarakat, nikmat keamanan dan kesejahteraan hidup akan hilang sekali gus mencetuskan huru-hara, perbalahan, permusuhan dan sebagainya. Oleh itu, pendakwah hendaklah menyedarkan masyarakat supaya kehidupan beragama dan bermasyarakat dipimpin oleh agama Islam.

Peranan Pendakwah dalam Menangani Berita Palsu

Pendakwah sosok tubuh yang penting untuk memastikan berita yang benar sampai kepada masyarakat dan menyekat berita palsu daripada disebarluaskan. Tindakan ini penting untuk memastikan ajaran Islam yang sebenar sampai dan dapat diamalkan. Peranan pendakwah dalam konteks ini boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

1. Memperbanyakkan Berita Benar

Berita yang benar ialah berita yang bertepatan dengan ajaran, mendatangkan kebaikan kepada kehidupan, mendorong ke arah kebaikan, dan memberikan faedah kepada kehidupan dunia dan akhirat. Mukmin yang sejati sepatutnya menjadikan berita benar sebagai panduan dalam kehidupan beragama. Berita yang benar seharusnya mengetengahkan:

- a) Sumber yang jelas seperti daripada al-Quran dan al-Hadis
- b) Seruan ke arah amar makruf nahi mungkar
- c) Ajakan kepada berpegang teguh pada ajaran Islam
- d) Kebaikan dan manfaat untuk kehidupan dunia dan akhirat
- e) Fakta yang tepat
- f) Kisah para nabi dan rasul
- g) Sanjungan kepada ulama sesuai dengan kedudukan mereka dan seruan agar mencontohi mereka
- h) Berita berkaitan keimanan, hari akhirat dan sebagainya daripada sumber yang benar.
- i) Berita berkaitan keburukan fitnah, adu domba, dusta dan segala sifat yang keji.
- j) Berita berkaitan sifat dan akhlak yang baik dan terpuji.

Setiap pendakwah hendaklah ikhlas mencari dan menyebarkan perkara yang benar serta menjauhkan diri daripada nafsu yang buruk ketika menyampaikan berita. Pendakwah tidak semestinya menampilkkan diri di hadapan orang lain, dan membela diri dan nafsu. Hal ini demikian kerana sikap ini akan menyebabkan seseorang itu ghairah menyampaikan apa sahaja yang terima sebelum diselidiki, mempertahankan pendapatnya walaupun salah dan memandang rendah terhadap orang lain. Tujuan menyampaikan berita benar adalah untuk membela syariat, menyampaikan agama untuk meraih reda Allah SWT, membantu sesama Muslim dan menghindari dari ditimpa musibah. Menurut Abdullah Alawi (1994) seseorang itu dibalas berdasarkan niat. Jika baik dibalas dengan kebaikan dan jika jahat dibalas dengan kejahanat. Sesiapa yang baik niatnya maka baiklah amalannya dan sesiapa yang buruk niatnya maka buruklah amalannya, meskipun dia nampak seperti insan yang baik. Sikap orang seperti ini seumpama orang yang melakukan sesuatu amalan untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain.

Mempelbagaikan berita benar sangat penting dalam dunia media massa kini berikutan lambakan berita tidak benar yang mudah tersebar dalam kalangan masyarakat. Tindakan ini penting kerana pendakwah mahir dalam bidang agama dan mengetahui daripada mana sumber yang benar dan tidak benar. Maklumat daripada sumber yang benar wajar disebarluaskan supaya masyarakat mempunyai alternatif untuk menggunakan media massa ke arah kebaikan. Jika media massa tidak dipenuhi dengan berita baik, dibimbangkan berita tidak benar akan menguasai media massa dan ramai yang terpengaruh atau terjebak dengannya.

Perkara ini perlu dilakukan secara serius kerana ada dalam kalangan pendakwah yang tidak suka menggunakan media masa dalam penyampaian. Oleh itu, perlu ada dalam kalangan pendakwah yang memimpin dan mengumpulkan para pendakwah yang mempunyai kepakaran dalam ilmu tertentu untuk duduk semeja bagi membincangkan cara bagaimana mempelbagaikan bahan berita benar dimuatkan dalam media massa. Dengan cara ini berita benar mampu diperbanyak dan disebarluaskan.

2. Menyediakan Sumber yang Benar Sebagai Rujukan

Sumber berita amat penting bagi menentukan kesahihan sesuatu berita yang diterima. Penerima yang baik memberi perhatian terhadap sumber kepada sesuatu berita. Berita yang baik, benar dan bermanfaat biasanya datang daripada sumber yang benar. Manakala berita yang palsu, tidak benar, fitnah dan sebagainya biasanya datang dari sumber yang tidak baik.

Menurut Adlan (2018) setiap peringkat dalam penyaluran berita perlu diteliti hingga ke sumber asal. Berita yang tidak ada sumber hendaklah dipadamkan, diabaikan dan dibuang. Hal ini demikian kerana sesiapa sahaja boleh menulis atau menipu dengan apa jua cara.

Pendakwah bertanggungjawab menyediakan sumber berita benar supaya senang bagi sasaran untuk memilih sumber yang benar dan bermanfaat. Lambakan sumber berita yang terdapat dalam media masa pada hari ini menyebabkan ramai yang keliru memilih yang benar. Oleh itu, antara langkah yang perlu dilakukan dalam memastikan kesahihan sumber ialah memeriksa kredibiliti orang yang menyampai sesuatu berita tersebut, meneliti tarikh dan masa supaya tidak menyebarkan sesuatu yang telah berlaku. Isu yang sudah diselesaikan atau diatasi turut diambil perhatian agar tidak diulang lagi. Sebarang persoalan perlu dirujuk kepada pihak yang berautoriti untuk dijawab secara tuntas.

Antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam memastikan kesahihan sumber sebagaimana dinyatakan dalam dalil “taqul al-Shaia’at” (2017) adalah dengan memastikan tarikh sesuatu berita kerana dibimbangkan berita tersebut berulang dan sudah ada jawapan, siapa penerbit, siapa penulis dan apakah kelayakan dan kecenderungan dalam menulis dan berita tersebut jelas atau memerlukan kepada penjelasan pihak lain.

Menurut Iftitah (2017) sumber berita cukup banyak dan pelbagai jenis. Maka setiap orang sepatutnya diajar bagaimana menilai sesuatu berita. Hal ini bertujuan agar berita yang betul-betul meyakinkan sebagai sebuah kebenaran atau sesuai dengan fakta. Kualiti berita ditentukan oleh kredibiliti sumbernya. Al-Qur'an mengajar betapa perlunya setiap berita diperiksa dengan cermat. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat (49): 6 yang bermaksud: Wahai orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.

Oleh yang demikian, peranan pendakwah sangat diperlukan dalam konteks ini dengan memperjelaskan manakah sumber yang boleh dipercayai dan yang tidak boleh dipercayai, menyediakan sumber yang dipercayai dan menyebarluaskan kepada seluruh masyarakat. Penerima berita tidak perlu dibebankan dengan permintaan seperti diminta untuk mengisi maklumat tertentu, mengenakan syarat tertentu dan memaparkan dalam bentuk yang sukar difahami. Mempelbagaikan sumber sesuai dengan sasaran seperti menyediakan sumber yang sesuai kepada golongan remaja, golongan kanak-kanak, golongan wanita dan sebagainya.

3. Berinteraksi dengan Penerima Berita

Berinteraksi dan maklum balas terhadap berita yang disampaikan bertujuan untuk memahamkan sasaran kandungan berita tersebut secara jelas. Mana-mana kekeliruan yang timbul hendaklah diperjelaskan supaya tidak timbul kekeliruan. Berinteraksi dengan penerima dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan dengan cara yang betul.

Sikap menjaga amanah semasa berinteraksi dengan penerima berita sangat dianjurkan oleh Islam. Mereka yang menjaga amanah akan disanjung dan akan selamat daripada kejahatan orang lain.

Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 58 yang bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang khianat. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Rasulullah SAW bersabda : Apabila seseorang lelaki menceritakan kepada lelaki lain, kemudian bersurai, maka ia merupakan amanah. (Abu Daud, Sunan Abi Daud, kitab al-Adab, bab Fi Naql al-Hadith)

Setiap penyampai berita hendaklah menjaga amanah dengan baik dan tidak mengubah kandungan kata-kata, menggugurkan atau mengurangkan kandungan berita, menyampaikan kepada orang yang lain yang tiada kaitan dengan berita tersebut dan meriwayatkan cerita lain daripada yang diterima. Perkara ini perlu diberi perhatian supaya dapat menjaga keaslian berita, memastikan kesahihan berita terjaga, tidak bocor berita kepada mereka yang tidak layak menerima dan yang paling penting berita tersebut tidak disalah faham dan menimbulkan fitnah.

4. Menyampaikan Berita Mengikut Pemahaman Pendengar.

Berita terbahagi kepada beberapa kategori mengikut kesesuaian pendengar. Ada berita yang sesuai untuk orang dewasa dan tidak sesuai kepada kanak-kanak, ada yang sesuai kepada lelaki tidak sesuai kepada wanita, ada yang sesuai kepada pemimpin dan tidak sesuai kepada orang di bawah pimpinannya dan sebagainya. Oleh yang demikian, menyampaikan berita kepada mestilah mengikut sejauh mana kefahaman penerima. Pemahaman manusia berbeza berpandukan kepada tahap intelektual yang ada padanya.

Berita yang dapat difahami oleh penerima akan membawa faedah yang begitu banyak. Penerima berita boleh menjadikan apa yang diterima sebagai panduan, pedoman dan pelaksanaan dalam kehidupannya. Sebaliknya berita yang tidak sesuai dengan pemahaman akan membawa kepada sia-sia ataupun pemahaman yang salah. Sekiranya seseorang itu mengeluarkan berita yang tidak munasabah dan tidak difahami, pendengar akan menimbulkan syak wasangka yang tidak baik kepada penyampai seperti ingin mengejek, menghina, memfitnah dan menyampaikan kepada orang lain pula dengan kefahaman yang salah.

5. Mempelbagaikan Media Penyampaian.

Media penyampaian masa kini pelbagai, ada yang bergambar, suara, video dan media lain. Golongan masyarakat kini banyak bergantung pada media ini untuk menerima dan menyampaikan maklumat. Media-media ini lebih mudah untuk dicapai oleh masyarakat sekarang terutamanya golongan muda. Media yang biasa digunakan selain daripada yang disebutkan kurang menerima tempat dalam kehidupan masyarakat.

Menurut Badie' (1985) para pendakwah hendaklah mempelbagaikan cara penyampaian dan bukan hanya bergantung pada satu cara sahaja. Antara bentuk penyampaian ialah penulisan, percakapan, utusan surat, menulis berita dan bentuk penyampaian yang lain bertujuan untuk menyampaikan kepada semua lapisan masyarakat.

Oleh yang demikian, dakwah yang disampaikan menyeluruh ke semua lapisan masyarakat dengan menggunakan media yang pelbagai. Para pendakwah hendaklah memahirkkan diri dalam menggunakan media tersebut supaya dakwah yang disampaikan dapat disebarluaskan ke seluruh lapisan masyarakat. Namun jika pendakwah tidak mahir, mereka boleh meminta bantuan daripada mereka yang mahir. Para pendakwah hanya menyediakan bahan untuk disebarluaskan dan cara penyebaran dan saluran yang sesuai. Dengan itu, para pendakwah mampu memanfaatkan media yang pelbagai dalam penyampaian.

Jika sebaliknya, para pendakwah hanya bergantung pada media yang sedia ada, dakwah yang ingin disampaikan hanya terhad kepada golongan tertentu sahaja. Perkara ini merugikan oleh kerana generasi baharu banyak bergantung pada media baharu. Jadi, golongan ini akan ketinggalan dan mereka tidak dapat mengambil manfaat daripada pendakwah.

6. Memberikan Respons Terhadap Isu-Isu Kontroversi dan Bersabar

Isu-isu kontroversi selalu muncul dalam arena media masa kini. Namun apa yang dibimbangkan ialah hampir tidak ada jalan penyelesaian terhadap isu tersebut. Bagi memastikan sesuatu berita itu tidak

menjadi kontroversi, penyebar berita terlebih dahulu menyemak, memikirkan manfaat berita sebelum berkongsi dan berhati-hati dengan cerita penuh emosi. Walaupun begitu, isu kontroversi sentiasa berlaku bahkan ada mereka yang sengaja menimbulkannya untuk tujuan tertentu.

Ekoran terlalu banyak isu kontroversi dan berulang, para pendakwah hendaklah bangkit menjelaskan isu tersebut menurut perspektif Islam. Para pendakwah cuba mengetengahkan cara menangani isu yang berlaku dengan cara yang bijaksana. Menurut Earnie (2014) pendakwah berperanan mendidik masyarakat supaya dapat menapis maklumat yang diperoleh mengikut acuan Islam. Dalam dunia ICT, terdapat juga unsur-unsur de-Islamisasi berlaku. Sekiranya masyarakat tidak menapis maklumat yang diperoleh, maka mereka akan senang dipengaruhi. Juga mendidik masyarakat menggunakan teknologi ICT mengikut acuan Islam, bukannya menjadikan ICT sebagai tempat atau ruangan untuk mengumpat, menyebarkan fitnah, untuk menghentam individu tertentu dan sebagainya.

Para pendakwah hendaklah bersabar terhadap akibat yang akan menimpanya hasil memperjelaskan isu kontroversi. Luqman berkata kepada anaknya sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam surah Luqman (31:17) yang bermaksud: Wahai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang makruf dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan sabarlah terhadap apa yang menimpamu. Dalam ayat ini Luqman menyuruh anaknya bersabar menghadapi tindak balas daripada golongan sasaran lantaran mengerjakan amar makruf dan nahi mungkar. Dalam konteks ini, penyebar berita mungkin akan dimarahi oleh penerima, diejek dikenakan tuduhan palsu, ugutan dan sebagainya. Ada dalam kalangan penyampai tidak bersabar apabila penjelasan yang disampaikan tidak didengar atau diterima sehingga sanggup bertindak di luar kebenaran Islam. Oleh itu, para pendakwah hendaklah melazimkan diri dengan sifat sabar supaya ia dapat menenangkan diri, lidah dan jiwa daripada melakukan perkara yang tidak sepatutnya.

7. Memperjelaskan Berita Tidak Benar dan Sia-sia

Berita sia-sia ialah berita yang tidak membawa kebaikan untuk urusan kehidupan dunia dan akhirat bahkan ia boleh membawa kepada pembaziran masa dan fikiran. Berita yang boleh membawa seseorang lupa akan tanggungjawab sebagai makhluk Allah SWT sehingga boleh terjebak kepada pemikiran dan fahaman yang hanya memikirkan keseronokan semata-mata. Berita sia-sia lebih membawa seseorang kepada kemungkaran. Menjauhi berita yang sia-sia adalah galakan dalam Islam kerana membazirkan masa dan melalaikan daripada melakukan perkara yang berfaedah. Firman Allah SWT yang dalam surah Al-Mukminun: 1-3 yang bermaksud: Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia.

Rasulullah SAW melarang perkara yang sia-sia sebagaimana hadis baginda SAW yang bermaksud: Antara keelokan Islam seseorang ialah dia meninggalkan sesuatu yang tidak berkaitan dengannya. (al-Tirmizi, Abwab al-Zuhd, Bab fi Man Takallam bi Kalimat Yudhik Biha al-Nas).

Menurut ibn Mufligh (1999) menurut Khallal daripada Ata': Mereka sangat benci kepada kata-kata yang sia-sia, mereka menganggap perkataan yang sia-sia adalah selain daripada bacaan al-Quran, amar makruf nahi mungkar. Perkataan yang sia-sia ialah perkataan yang tidak mendarangkan kebaikan untuk kehidupan dunia dan akhirat.

Setiap Muslim mesti menjauhi berita yang sia-sia kerana ia lebih membawa kepada keburukan. Antara ciri berita sia-sia seperti berikut:

- a) Berita yang tidak mendarangkan kebaikan.
- b) Perkataan yang sepatutnya ringkas akan tetapi dipanjangkan tanpa keperluan.
- c) Mengulang-ulang perkara yang tidak memerlukan pengulangan.
- d) Mengundang pembaziran waktu.
- e) Membawa kepada khayalan yang tiada kaitan dengan kehidupan.
- f) Berita yang hanya membawa kepada keseronokan tanpa sempadan.
- g) Berita yang direka-reka dan ditambah serta diubahsuai sehingga lari daripada yang asal.

- h) Cerita-cerita dongeng yang melalaikan.
- i) Berita yang mendorong manusia lupa penciptanya.

Perkara yang ingin disampaikan hendaklah dipastikan benar dan datang daripada sumber yang dipercayai. Jangan sama sekali menyebarkan berita yang tidak diketahui betul atau tidak ataupun berita yang tiada puncanya dan sumbernya. Sebarlah perkara yang diketahui dan benar-benar betul serta mendatangkan faedah. Rasulullah SAW memberikan amaran kepada mereka yang menyebarkan semua perkara yang didengarnya tanpa diselidiki terlebih dahulu. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: "Cukuplah menjadi dosa bagi seseorang, apabila ia membicarakan semua perkara yang telah didengar." (Muslim, Muqaddimah, Bab al-Nahy A'n al-Hadith bikul Ma Samia'. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Dan sesungguhnya manusia yang paling aku benci dan yang paling jauh daripadaku pada hari kiamat kelak ialah orang yang banyak bicara, orang yang berpura-pura fasih dan orang-orang yang banyak bicara tanpa teliti percakapannya. (al-Tirmizi, Abwab al-Bir wa al-Shilah , Bab ma Jaa fi Ma'li al-Akhlaq).

Setiap berita yang diterima hendaklah diselidiki dan di tashih terlebih dahulu sebelum disebarluaskan bagi mengelak daripada menyebarkan fitnah dan berita palsu. Sampaikan apa yang benar diyakini dan boleh mendatangkan manfaat kepada penerima. Sesiapa yang menyampaikan sesuatu berita yang benar dan diamalkan oleh penerima akan mendapat ganjaran sebagaimana penerima mendapat ganjaran daripada amalannya.

8. Pendakwah Teladan kepada Masyarakat

Pendakwah sebagai teladan kepada masyarakat seharusnya menjadi contoh untuk menangani berita palsu seperti memilih percakapan yang baik, memikirkan akibat daripada penyebaran berita, memelihara diri daripada menuturkan sesuatu yang diharamkan, tidak tergesa-gesa dalam menyebarkan berita dan menghindari sikap mengejek.

Memilih percakapan yang baik untuk disampaikan sebagaimana memilih makanan yang terbaik untuk dimakan. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan mereka diberi petunjuk kepada mengucapkan kata-kata yang baik, serta diberi petunjuk ke jalan Allah Yang Amat Terpuji." (Surah al-Haji: 24). Memilih perkataan yang baik supaya tidak terjebak kepada perkataan yang jahat dan buruk sangka. Perkataan yang baik walaupun sedikit sangat bermakna kepada semua sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Takutlah kamu akan api neraka walaupun dengan melakukan sedekah walaupun dengan separuh buah tamar. Sesiapa yang tidak mampu, maka dia hendaklah bersedekah dengan percakapan yang baik." (Muslim, Kitab al-Zakat, Bab al-Hass Ala al-Sadaqah walau Bisyiqqi Tamrah).

Para nabi dan rasul telah menunjukkan contoh yang baik dalam hal ini. Menurut al-Nadwi (2002) bagaimana para nabi menggunakan bahasa yang baik walaupun berhadapan dengan musuh yang sangat menginginkan untuk menghancurkan mereka dan sehingga sampai ke tahap membunuh mereka. Mereka tetap menggunakan bahasa yang indah dalam mengajak dan menyebarkan ajaran Islam. Al-Quran al-Karim sebagai rujukan utama bagaimana dakwah para Nabi seperti Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Yusuf, nabi Muhammad SAW dan para nabi yang lain. Mereka menggunakan bahasa yang baik dan elok bukan bahasa yang susah dan sukar untuk difahami. Bahasa yang indah dan sesuai didengari oleh semua lapisan manusia, bukan bahasa cacian dan makian dan sebagainya kerana boleh menyebabkan sasaran dakwah lari daripada mendengarnya.

Memikirkan akibat sebelum menyebarkan sesuatu berita. Hal ini demikian kerana dengan memikirkan akibat boleh mematangkan penyampai berita. Kebenaran sesuatu berita akan dijadikan panduan jika seseorang itu memikirkan akibat daripada penyebaran berita. Terdapat berita benar akan tetapi tidak mendatangkan kebaikan oleh kerana tidak memikirkan akibat daripadanya seperti menyampaikan berita sebelum tiba masanya, menyampaikan secara tidak mengikut aturannya dan menyampaikan pada keadaan yang tidak sesuai.

Kurangkan percakapan dan tidak terlalu banyak bercakap kecuali menjawab pertanyaan, memberi nasihat, menyuruh perkara yang baik, menegah perkara mungkar dan segala percakapan yang baik. Menghindari perdebatan dan saling membantah, sekalipun berada di pihak yang benar. Menjauhi perkataan dusta sekalipun bercanda. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Nisa: 114 yang bermaksud: Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali bisik-bisikan daripada orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah atau berbuat makruf, atau mengadakan perdamaian di antara manusia.

Memilih perkataan yang baik untuk disebarluaskan dan menjauhi perkataan yang diharamkan. Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: 'Uqbah r.a. berkata: "Katakanlah kepadaku wahai Rasulullah tentang kejayaan? Baginda menjawab: Jagalah lidahmu dan tangisilah atas dosamu, nescaya akan bahagia rumah tangga kamu." (al-Tirmizi, Kitab al-Zuhd, Bab ma Jaa fi Hifz al-Lisan, hadis no 2406)

Menjaga lidah, tulisan dan juga sebarang bentuk penyampaian daripada perkara yang dilarang dan diharamkan seperti bercakap dusta, mengumpat, menjadi batu api, bergurau perkara yang tidak elok, mencerca, menuduh, mencaci, memperolokkan percakapan orang lain, menghina dan berlebih-lebih ketika memuji dan memuliakan sehingga menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

9. Tidak tergesa-gesa menyebarkan berita

Penyampaian berita mestilah memastikan setiap berita yang ingin disampaikan menepati masa, keadaan dan tempat. Jangan tergesa-gesa menyampaikan tanpa dihayati perkara tersebut kerana dibimbangkan tidak mendapat faedah tersasar daripada matlamat asal. Sebagai contoh dalam menasihati individu hendaklah secara individu, bagi mereka yang tidak tergesa-gesa tidak ambil berat terhadap perkara tersebut dengan menasihatinya di khalayak ramai. Sedangkan menasihati kesalahan individu di khalayak ramai boleh menyebabkan membuka aib dan memalukan. Dengan cara itu, apa yang disampaikan akan dianggap satu kesalahan dan tidak menerimanya. Begitu juga menyampaikan berita ketika seseorang itu sibuk dengan urusan lain akan menyebabkan berita yang disampaikan tidak lekat pada hati dan pemikirannya.

10. Menghindari sikap mengejek, memperolokkan dan memandang rendah kepada penyampai berita.

Perkara demikian tidak sepatutnya dilakukan oleh mereka yang inginkan kebaikan dan keimanan. Allah SWT telah berfirman di dalam Surah Al-Hujurat:11 yang bermaksud: Wahai orang yang beriman! Janganlah suatu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang diolok-olokkan) lebih baik daripada mereka. Jangan pula wanita-wanita (mengolok-olokkan) wanita-wanita lain (kerana) boleh jadi wanita-wanita (yang diperolok-olokkan) lebih baik daripada mereka.

Sikap mengejek boleh menyebabkan penyampai berita rasa terganggu dan memalukan mereka serta menolak sesuatu berita dengan cara yang menyakitkan. Jika penerima berita tidak menerima berita sekalipun hendaklah menghindari sifat mengejek ini. Perkara ini tidak dibenarkan kerana ia merendahkan dan menghina penyampai. Berinteraksilah dengan penyampai dan berita dengan bijaksana. Jangan sama sekali mengejek, memperolokkan, menghina penyampai lebih-lebih lagi perkara tersebut berlaku k di khalayak ramai atau di media sosial yang terbuka. Gunalah cara menasihati yang baik dan bahasa yang bersopan santun serta disertai dengan tindakan yang betul.

11. Memilih waktu yang terbaik

Orang yang menyampaikan berita hendaklah memerhatikan keadaan orang yang akan disampaikan. Menjauhi daripada waktu yang tidak sesuai seperti di saat seseorang sedang kalut atau di saat ia sedang bersama rakan-rakannya atau kerabatnya. Sesetengah orang inginkan berita secara segera dan ada yang tidak menginginkan perkara demikian. Nabi Nuh a.s. telah menunjukkan qudwah dalam dakwah kepada kaumnya. Baginda memberikan nasihat pada waktu malam bagi mereka yang sibuk pada waktu siang hari dan menasihati mereka pada waktu siang bagi mereka yang sibuk pada waktu malam. Firman Allah SWT dalam surah Nuh ayat 5 yang bermaksud: "(Setelah puas menyeru mereka), Nabi Nuh berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menyeru kaumku siang dan malam (supaya mereka beriman)". Menurut Yahya (1994) memilih waktu yang tepat sangat penting dalam proses memanfaatkan apa yang ingin disampaikan bukan sahaja didengar

akan tetapi dihayati dalam diri penerima. Bukan hanya sekadar bermanfaat kepada penerima akan tetapi juga bermanfaat kepada orang yang berada di sekeliling. Sebagai contoh bagaimana kebijaksanaan nabi Musa memilih waktu untuk berdebat dengan tukang sihir dan Firaun. Juga kebijaksanaan Nabi Yusuf memilih peluang berada dalam penjara untuk mentafsir mimpi.

Tiga perkara penting perlu diberi perhatian dalam perkara ini. Menurut al-Ghazali (2005) memelihara waktu, tempat dan kawan menjaga masa yang terbaik untuk penerimaan pendengar, jangan menyibukkan seseorang dengan sesuatu berita ketika sedang sibuk dihadapkan makanan, sedang solat dan kesibukan yang lain kerana hati sedang menumpukan kepada perkara lain pada masa tersebut. Manakala tempat pula ketika seorang itu berada di jalanan, tempat yang tidak sesuai dan sebagainya kerana hati tidak dapat memberi tumpuan pada masa tersebut. Yang terakhir kesesuaian kawan yang boleh dipercayai ada bersama penerima berita kerana dikhuatiri jika berlaku sebaliknya kawannya akan mengganggu dan menghasut kepada yang lain daripada apa yang disampaikan.

Penyampai berita hendaklah mengetahui perasaan, kedudukan, pekerjaan dan masalah yang dihadapi orang yang akan disampaikan berita itu. Pastikan berita yang akan disampaikan bertepatan dengan keadaan seseorang itu kerana setiap manusia mempunyai kesibukan dan keperluan dan juga mempunyai waktu tidur dan istirahat, waktu makan dan bekerja. Hendaklah memastikan beberapa perkara antaranya ketepatan masa, kedudukan (perkataan yang bertepatan dengan kedudukan seseorang itu), keadaan (keadaan yang tidak mengganggu mereka) dan sebagainya. Waktu yang terbaik ialah waktu yang tidak mengganggu atau menyusahkan penerima berita dan bersedia menerima dari sudut akal, hati dan tubuh badan. Dengan demikian, hubungan ukhuwah yang dibina akan lebih berkat dan kukuh dengan saling bertanya khabar antara satu sama lain.

12. Mengelak Menimbulkan Fitnah dan Menjauhi Pertengkar

Para pendakwah cuba sedaya upaya untuk mengelak timbulnya fitnah pada penyampaian dan penyebaran dakwah. Kepakaan terhadap apa yang disampaikan sangat penting bagi mengelak timbulnya fitnah seperti silap faham, silap penyampaian kepada orang yang tiada kaitan dan sebagainya. Menurut Hakimin (2018) Adab atau sikap yang terkait dengan tabayyun agar tidak terjerumus dalam kancang fitnah termasuk juga mengelakkan daripada mendengar atau membaca berita berkaitan keaiban orang lain dan membahayakan pemikiran.

Berita yang boleh menimbulkan fitnah ialah berita yang diterima berkaitan dengan umpatan, adu domba, fitnah dan sebagainya. Sebagai contoh mengelak dan meninggalkan dengan cara yang baik terhadap penyampai berita yang menyampaikan berita umpatan terhadap seseorang. Tidak menyampaikan maklumat yang disampaikan dengan tujuan untuk melagakan seseorang dengan individu lain. Tidak mempercayai sesuatu berita yang direka-reka dan fitnah akan tetapi menasihati penyampai berita supaya insaf terhadap perbuatannya.

Menurut Imam al-Ghazali (2005) ada enam perkara yang sepatutnya dilakukan bagi mengelak fitnah dan mengadu domba iaitu memetik kata-kata orang dan menyebarkannya dengan tujuan untuk merosakkan, melagakan-lagakan, mencetuskan permusuhan, perbalahan dan kemarahan sesama manusia. Menyelidiki setiap yang diterima dan jangan mudah mempercayai, melarang dan menasihati keburukan perilaku, membenci perbuatan itu kerana Allah SWT, jangan berprasangka buruk, jangan sengaja mencari berita fitnah dengan cara mengintip dan sebagainya dengan membuka rahsia orang lain dan tidak bersetuju dengan fitnah yang terlarang itu dan jangan menceritakannya.

Setiap penyampai berita perlulah menjauhi pertengkar yang menuju ke arah perpecahan dan perbalahan. Berita yang membawa pertengkar boleh membawa kepada membuang waktu, mengeraskan hati dan membawa kepada kebencian dan kedengkian. Bagi setiap penyampai berita hendaklah mampu memberi pandangan dan mendengar pandangan orang lain untuk menyatakan komen apa yang disampaikan. Pertengkar boleh berlaku antara penyampai dengan pendengar atau pendengar dengan orang lain.

Berapa banyak berita yang disampaikan boleh membawa kepada kerosakan. Allah SWT melarang perbuatan ini sebagaimana dalam firman-Nya dalam al-Quran surah al-Qalam, ayat 10-11 yang

bermaksud: Dan janganlah engkau menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya). Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahan orang ramai).

Maksud naminah ialah memetik kata-kata orang dan menyebarkannya dengan tujuan untuk merosakkan, melagakan-lagakan, mencetuskan permusuhan, perbalahan dan kemarahan dalam kalangan manusia. Oleh yang demikian, untuk mengelakkan sesuatu berita boleh menyebabkan berlakunya pertengkarannya dengan meneliti perkara berikut:

- Menyelidiki terlebih dahulu sesuatu berita supaya tidak menimbulkan salah sangka antara penyampai dan penerima.
- Mengelak daripada menyampaikan berita dengan cara provokasi.
- Menghindari daripada menyampaikan maklumat secara salah.
- Menjauhi daripada berita yang berbentuk hinaan, fitnah dan sebagainya.

13. Mempertahankan Kedudukan dan Memuliakan Para Ulama'

Para Ulama' merupakan pewaris para nabi. Mereka mengerahkan segala tenaga, buah fikiran dan masa dalam menyampaikan risalah Allah sehingga sanggup menggadaikan segalanya demi melihat risalah Islam tersebar. Mereka sebagai sumber rujukan dalam urusan agama. Pandangan dan ijтиhad mereka sangat diperlukan dalam mengharungi kehidupan yang berliku. Sepakat mereka membawa rahmat kepada keseluruhan masyarakat. Walaupun begitu, terdapat ikhtilaf dalam kalangan mereka terhadap perkara yang dibenarkan.

Para penyampai ilmu seharusnya sentiasa berlapang dada dalam menerima perbezaan pendapat yang terjadi dalam kalangan ulama'. Jangan sampai mengumpat atau mencela ulama' sedangkan seseorang itu belum benar-benar faham pendapat mereka di dalam memutuskan sesuatu masalah. Mengumpat orang biasa sahaja sudah termasuk dosa besar apalagi kalau orang itu adalah seorang ulama'.

Masyarakat kini seolah-olah rasa tidak bersalah dengan melakukan penghinaan terhadap para ulama bahkan mereka berbangga dengan perkara tersebut. Apa yang menyedihkan ialah pelbagai cacian yang dilontarkan kepada mereka, fitnah, adu domba dan sebagainya dengan tujuan untuk menjauhkan masyarakat daripada merujuk para ulama. Dengan itu, munculnya pandangan serong terhadap para ulama sehingga ada yang meletakkan mereka lebih rendah daripada kedudukan orang awam.

Menurut Imam al-Ghazali (2010) orang yang menginginkan kebaikan daripada ilmu janganlah membezakan antara guru yang masyhur dan tidak. Bahkan ia mengambil daripada semua sama ada terkenal ataupun tidak. Menjadi satu kebodohan jika hanya mengambil daripada yang masyhur kerana ilmu yang bermanfaat ialah ilmu yang datang daripada alim ulama' yang benar-benar ingin menyampaikan kebaikan bukan kerana keduniaan akan tetapi untuk kebaikan dunia akhirat.

Para pendakwah sebagai benteng dalam mempertahankan para ulama' dan memuliakan. Masyarakat akan sentiasa mendapat kebaikan dengan meletakkan kedudukan ulama sesuai pada tempatnya. Segala permasalahan baharu yang berlaku dalam masyarakat dapat diselesaikan dengan baik hasil ilmu dan kewarakan yang ada pada ulama. Penyelesaian yang dicadangkan oleh para ulama berlandaskan syariat Allah SWT.

Kesimpulan

Berita tidak benar yang berlegar dalam masyarakat dapat ditangani dengan cara memahamkan masyarakat tentang bahaya dan kesannya agar mereka dapat menghindarinya. Berita tidak benar juga dapat diatasi dengan cara memperbanyakkan berita benar, memperjelaskan hakikat berita tidak benar dan tidak mempercayainya. Dengan itu berita tidak benar akan lemah dan hilang sedikit demi sedikit. Masyarakat tidak dapat hidup secara aman dan sejahtera selagi mana berita palsu tersebar luas dalam masyarakat. Oleh yang demikian, peranan pendakwah sangat diperlukan untuk menangani berita palsu berikutnya tugas mereka sebagai penyampai, pendidik dan pemudah cara demi pelaksanaan Islam dalam kehidupan.

Rujukan

Al-Quran

- Abdul Badi' Shaqar. 1985. Kaifa nadu' al-Nas. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Abdullah bin Alawi al-Haddad al-Hadrami. 1994. Risalah Adab suluk al-Murid. Beirut: dar al-Hawi li al-Nasr wa al-Tauzi'.
- Abu Daud, Sulaiman bin 'Imron bin Al Asy'ats bin Ishaq bin Basyir bin Syudad bin 'Amr bin 'imron. 2009. Sunan Abu Daud. Damsyiq: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Ahmad hasan Yasin. 2017. Syabakat al-Tawasul al-Ijtimai' wa Dauruha Fi Nasy al-Syai'at min Wujhati Nazar A'ada Haiah al-Tadrис fi Jamiah Diyala. Jordan: Jamiah al-Syaq al-Ausat.
- al-Bahi Khuli. 2004. Tazkirah al-Dua'h. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Ju'fiy. 2002. Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Ghazali, Muhamad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali Al-tusi. 2005. Ihya; Ulum al-Din. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Ghazali, Muhamad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali Al-tusi. 2010. Ayyuha al-Walad. Beirut: Syarikat Dar al-Basyair al-Islamiah.
- Al-Ghazali, Muhamad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali Al-tusi. 2004. Bidayat al-Hidayah. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Al-Tirmizi, Muhammad Bin 'Isa Bin Saurah Bin Musa As-Sulami At-Tirmidzi. 1996. Sunan al-Tirmizi. Tunisia: Dar al-Gharb al-Islami.
- Earnie Elmie Binti Hilmie. 2014. Peranan Tekno Daie dalam Berdakwah di Era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective.
- Ibn Mufligh. Abdullah bin Muhammad. 1999. Al-Adab al-Syariyyah. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Iftitah Jafar. 2017. Konsep Berita Dalam Al-Qur'an (Implikasinya Dalam Sistem Pemberitaan di Media Sosial. Jurnalisa Vol 03 Nomor 1/ Mei 2017.
- John Boghi. dalil "taqul al-Sya'a't". 2017. www.cdacnetwork.org.
- Kamal Salim Khalil al-Najjar. 2011. Darajah Mumarasah al-Daur al-Tarbawi li al-Dua'h fi Muhofazah Ghazzah fi Dhau al-Ma'ayir al-Islamiah. Palastin: Jamiah al-Islamiah Ghazzah.
- Mahmud Abu Zaid. 1980. Al-Syaia't wa al-Dabt al-Ijtimai'. Kaherah: al-Haiah al-Misriyyah al-A'mmah li al-Kitab.
- Mohd 'Adlan Bin Mohd Shariffuddin. 2018. Kesan Disiplin Ilmu Hadis Dalam Interaksi Media Sosial. Konvensyen UiTO ke-4 2018, The Orient Star Resort Lumut, Perak, 8-9 Disember 2018.
- Al-Nadwi, Abu Hasan Ali bin Abdul Hayyi bin Fakhruddin al-Hasani. 2002. Rawai' min Adab al-Dakwah fi al-Quran wa al-Sirah. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Yahya bin Muhammad Hassan bin Ahmad Zamzami. 1994. Al-Hiwar Adabuhu Wa Dhawabituhu fi Dhaw al-Kitab wa Al-Sunnah. Makkah: Dar al-Tarbiyah wa Al-Turath.
- Mokhtar Hamzah. 1982. Usus Ilm al-Nafs al-Ijtimai. Jeddah: Dar al-Bayan al-Arabi.
- Muhammad Aidh Al-Taum. 2019. Al-Syaiah fi Wasail al-Tawasul al-Ijtimai: Twiter Namuzaj. 136-157. Majalah al-Syimal li al-ulum al-Insaniyyah. Bilangan 1 jilid 4.
- Muhammad Soleh Waki'. 2015. Thaqafah al-Dai'ah wa Atharuha fi al-Dakwah. Sudan: Jamiah al-Ribat al-Watani.
- Muslim, Abul Husain Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusyairi an-Naisaburi. 2006. Sahih Muslim. Riyadh: Dar Thibah li al-Nasr wa al_tauzi'.
- Ridha Eid Hamudah. 2015. Al-Syaiah fi al-Mawaqi' al-Ikhbariyah al-Urduniyyah. Jordan: Jamiaat al-Syarq al-Ausat.
- Wan Hakimin Bin Wan Mohd Nor Fatin Nazmin Mansor Nik Mohd Nabil B Ibrahim@Nik Hanafi. 2018. Kepentingan Tabayyun Dalam Mendepani Arus Globalisasi. Irsyad 2018. E-Proceeding. Eisbn Number: 978-967-2122-53-1.